

TENTANG HAK CIPTA

IMAN DANIAL HAKIM
HAFIZ ZUBIR

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada e-book ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin terlebih dahulu daripada **Iman Danial Hakim dan Ahmad Hafiz Zubir**

ISI KANDUNGAN

Bab 1 Asas Hak Cipta

Bab 2 Syarat Hak Cipta

Bab 3 Hak Pemilik Karya

Bab 4 Tempoh Perlindungan Hak Cipta

ISI KANDUNGAN

Bab 5 Pemunyaan Hak Cipta

Bab 6 Cara Pembuktian Hak Cipta

Bab 7 Adakah Idea Dilindungi Hak Cipta?

ISI KANDUNGAN

Bab 8
Hak Moral Penulis

Bab 9
Hak Terbitan

Penutup

BAB 1

ASAS

HAK CIPTA

APA ITU HAK CIPTA?



Hak cipta adalah **hak eksklusif** yang timbul dari sesuatu karya.

Undang-undang Malaysia yang mengawal hak cipta ialah **Akta Hak Cipta 1987.**

Seksyen 3 Akta Hak Cipta menyenaraikan **karya** yang dilindungi hak cipta, termasuklah:



novel



skrip




surat



syarahan



artikel



kamus

BAB 2

SYARAT HAK CIPTA

SYARAT UNTUK MENDAPAT HAK CIPTA



Karya mestilah **asli**



Karya itu **sudah ditulis**, direkod atau telah **dijadikan** ke dalam bentuk **bahan**



Karya itu termasuk dalam senarai karya yang dilindungi hak cipta



BAB 3

HAK PEMILIK KARYA

HAK PEMILIK KARYA

Di bawah **Seksyen 13**, pemilik hak cipta akan memiliki hak eksklusif ke atas hak-hak tersebut:




Pengeluaran semula karya dalam apa-apa bentuk bahan lain

Pengedaran salinan karya kepada orang awam melalui penjualan atau pemindahan pemunyaan (*ownership*)



Penyewaan karya secara komersial pihak lain



BAB 4

TEMPOH PERLINDUNGAN HAK CIPTA

JANGKA MASA PERLINDUNGAN HAK CIPTA

Di bawah **Seksyen 17(1)**, hak cipta akan wujud dalam tempoh:



Sepanjang hayat penulis



50 tahun **selepas** kematiannya

JANGKA MASA PERLINDUNGAN HAK CIPTA




Kiraan akan bermula dari tahun
berikut selepas kematian.

Jika Abu meninggal pada
9 Sept 2023,
maka kiraan bermula dari
1 Jan 2024

1 Jan 2024 + 50 tahun = **1 Jan 2074**

JANGKA MASA PERLINDUNGAN HAK CIPTA



*Walaupun Abu dah mati, **tetapi***



Waris/Ahli keluarga Abu berhak menerima **royalti** selagimana karya itu diterbitkan



Waris Abu juga **memiliki hak-hak eksklusif** bawah **Seksyen 13** Akta Hak Cipta 1987

BAB 5

PEMUNYAAN HAK CIPTA

KARYA INI MILIK SIAPA?



Seksyen 26 Akta Hak cipta 1987



Hak cipta adalah milik
pencipta sesuatu
karya.

KARYA INI MILIK SIAPA?



Maka, jika Abu menulis novel ABC dan dia memenuhi syarat-syarat hak cipta, maka Abulah pemilik hak cipta karya tersebut.

NAMUN!

KALAU ABU ADALAH PEKERJA *COPYWRITER* SEBUAH SYARIKAT?



Jika Abu bekerja
sebagai *copywriter*
atau penulis artikel di
sebuah syarikat,
semua ***hasil penulisan***
Abu adalah milik
syarikat tersebut

KENAPA?

KALAU ABU ADALAH PEKERJA *COPYWRITER* SEBUAH SYARIKAT?



Jika Abu bekerja
sebagai *copywriter*
atau penulis artikel di
sebuah syarikat,
semua ***hasil penulisan***
Abu adalah milik
syarikat tersebut


KENAPA?

SEKSYEN 26(2)

BERKATA



Jika karya itu dibuat sewaktu penulis bekerja dengan majikan (*contract of service*)



Jika karya itu ditempah dan penulis dibayar upah oleh penempah (*contract for service*)



Maka, hak cipta karya menjadi milik orang **yang membayar**


OLEH ITU, HAK CIPTA KARYA BOLEH MENJADI MILIK...



Penulis



Majikan



Pengupah

...bergantung kepada **situasi**
bagaimana ketika
karya itu dibuat

BAB 6

CARA PEMBUKTIAN HAK CIPTA



Perlindungan hak cipta adalah bersifat **automatik**.

Ini bermakna Hak cipta tidak memerlukan pendaftaran untuk mendapat perlindungan.

TETAPI

Bagaimana penulis boleh buktikan bahawa karya itu sememangnya miliknya?

PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA

SEKSYEN 26A

Penulis boleh membuktikan
pemunyaan hak ciptanya
melalui:



**Sijil Pemberitahuan
Hak Cipta**

INILAH RUPA SIJILNYA

boleh binkaikan & gantung di dinding!



AKUAN BERSUMPAH

SEKSYEN 42

Penulis juga boleh menyediakan Surat Akuan Bersumpah sebagai keterangan **prima facie** terhadap pemilikan sesuatu Hak cipta.



Nyatakan dalam Akuan Bersumpah bahawa karya itu adalah asli



Salinan karya perlu dikepilkan bersama Akuan Bersumpah



Akuan Bersumpah itu perlu ditandatangani & dicop di hadapan seorang persuruhjaya sumpah

BAB 7

ADAKAH IDEA DILINDUNGI HAK CIPTA?

Adakah Hak Cipta melindungi idea?



Undang-undang hak cipta **tidak** melindungi **idea**, tetapi melindungi **penzahiran (expression)** kepada sesuatu idea.

apakah maksud expression of idea?



Contohnya, anda ada idea untuk menulis sebuah cerita tentang kehidupan seorang guru.

Judul buku, tempat, nama watak dan idea-idea lain itu **tidak dilindungi** di bawah Hak cipta.

oleh itu, apa yang dilindungi hak cipta?



Undang-undang hak cipta **hanya** melindungi penzahiran kepada idea-idea tersebut.

Bagaimana anda mengolah ayat, menyusun plot, membentuk dialog dan membina cerita.

Hak cipta terletak pada **keseluruhan karya** tersebut. Bukananya idea, judul atau nama watak *per se*.



Oleh itu, seseorang penulis **tidak boleh** menuduh orang lain "*mencuri*" ideanya.

Ayuh kita lihat sebuah kes menarik berkenaan "*mencuri idea*" ini.

MOHD SYAMSUL MD YUSOF & ORS v. ELIAS IDRIS [2019] 5 MLRA 10

Pada tahun 2015, Elias Idris, novelis Aku Bohsia telah mendakwa Syamsul Yusof **menciplak** novelnya didalam filem arahnya Bohsia : Jangan Pilih Jalan Hitam.



Kau curi idea aku! Aku dah tulis pasal rempit & bohsia lebih awal!

*Isu mat rempit ni bukan
milik eksklusif siapa-siapa
pun*

*Yang sama hanya tema,
bukannya cerita*




Mahkamah memutuskan bahawa **tiada** pelanggaran hak cipta yang berlaku kerana:

- masalah bohsia & mat rempit adalah isu umum: ia **tidak** dimiliki secara eksklusif oleh mana-mana pihak
- Berdasarkan bukti perbandingan plot, watak dan cerita, wujud **perbezaan** antara novel dan filem tersebut

BAB 8

HAK MORAL PENULIS



Sesiapa yang suka baca buku bahasa Inggeris, anda perasan tak benda ni?

Buku-buku Malaysia jarang ada.

Tapi buku terbitan luar mesti ada

Perasan tak?

APA ITU HAK MORAL PENULIS



Kita semua tahu tentang HAK CIPTA, kalau tak faham pun, sekurang-kurang kita pernah dengar perkataan "Hak Cipta".

Tapi **hak moral** ini sesuatu yang asing, terutamanya dalam kalangan penulis dan penerbit Malaysia.

APA ITU HAK MORAL PENULIS

Dalam bab sebelum ini, kita sudah belajar bahawa hak cipta boleh dipindah milik.

Ini bermakna hak cipta boleh dijual dan dipindahkan dari penulis ke penerbit atau pihak ketiga.

Tetapi, hak moral istimewa; kerana walaupun hak cipta telah berpindah ke pihak lain, namun hak moral akan **selama-lamanya dimiliki** oleh penulis.

APA ITU HAK MORAL PENULIS

Hak moral penulis **tidak** boleh diubah, diganggu, dipindah milik oleh sesiapa pun walaupun hak cipta sudah bertukar pemilik.

*la adalah satu hak yang **kek**al **bersama penulis** selama-lamanya*




SEKSYEN 25(2)

AKTA HAK CIPTA 1987

Akta Hak Cipta kata, penulis ada
dua hak moral

- a) Hak Dinamakan Sebagai Penulis Karya Sendiri
- b) Hak Supaya Karya Tidak Diubahsuai Sehingga Merosak Reputasi



HAK DINAMAKAN SEBAGAI PENULIS

Penulis **berhak** untuk dikenali dengan namanya sendiri: sama ada nama sebenar atau nama pena.

Seseorang penulis hendaklah dikenali sebagai penulis kepada karyanya sendiri.






Misalnya, Penerbit A membeli hak cipta novel “Hidup Ini” karya Ahmad



Ahmad



Ali Saifudin

Penerbit A **tidak boleh** sesuka hati menerbitkan novel “Hidup Ini” dan menamakan Saifudin sebagai penulisnya pula. Jika tidak, penerbit A sudah melanggar undang-undang hak cipta.


MOKHTAR HJ. JAMALUDIN V.

PUSTAKA SISTEM PELAJARAN

[1985] 1 MLRH 230



Penulis ini menggunakan nama pena 'Mokjamos'. Dua karyanya diterbitkan oleh Pustaka Sistem Pelajaran



Apabila bukunya diterbitkan, penerbit meletakkan nama 'Mokhtar A.K' di kulit buku. Sekali imbas, pembaca boleh menganggap buku ini ditulis oleh 'Mokhtar A.K', bukannya 'Mokjamos'


**MOKHTAR HJ. JAMALUDIN V.
PUSTAKA SISTEM PELAJARAN
[1985] 1 MLRH 230**



Mahkamah memutuskan bahawa penerbit telah melakukan **pelanggaran hak cipta** & perlu membayar pampasan ganti rugi kepada penulis sebanyak RM 2,500

HAK UNTUK KARYA TIDAK DIUBAH SUAI SEHINGGA MEROSAKKAN REPUTASI

Penulis **berhak** supaya karyanya **tidak** diubah suai, dipinda, dipotong dan dirosakkan sesuka hati oleh sesiapa pun, walaupun penulis tidak lagi memiliki hak cipta karyanya.



HAK UNTUK KARYA TIDAK DIUBAH SUAI SEHINGGA MEROSAKKAN REPUTASI

Contohnya: Ahmad menulis sebuah novel bertajuk **“Senaskhah Dongeng”**

Novel ini terkenal kerana jalan cerita dan dialognya yang menarik.

Misal kata, hak cipta novel tersebut tamat setelah 50 tahun kematian Ahmad (dan menjadi *public domain*); **tiada** pihak yang boleh sesuka hati menukar judulnya kepada **“Senaskhah Hikayat”** atau mengubah jalan ceritanya.

HAK UNTUK KARYA TIDAK DIUBAH SUAI SEHINGGA MEROSAKKAN REPUTASI

Jika ia berlaku, maka waris-waris Ahmad **berhak** mencabar dan menyaman pihak yang berbuat sedemikian.

Mahkamah boleh mengarahkan pihak yang melanggar hak moral penulis untuk memperbaiki dan membetulkan semula sebarang perubahan karya kepada keadaan asal.



BAB 8

HAK TERBITAN

HAK TERBITAN

(*DERIVATIVE RIGHTS*)

Hak cipta adalah sebuah Ikatan Hak (Bundle of Rights).

Bersama-sama hak cipta, pemiliknya mempunyai **hak-hak lain** yaitu hak-hak terbitan ke atas karya-karya terbitan (*derivative rights of derivative works*).

Setiap hak terbitan ini boleh diuruskan dalam perjanjian lain yang berbeza bersama pihak yang berbeza.

Ia juga boleh dimasukkan sekali dalam perjanjian yang sama.

HAK TERBITAN

(*DERIVATIVE RIGHTS*)

Contoh-contoh karya terbitan adalah:

- terjemahan,
- adaptasi filem/drama
- susunan (*arrangements*) karya
- perubahan (*transformation*) karya

Sebarang penghasilan karya terbitan di atas perlulah mendapatkan **keizinan** penulis asalnya.

Misalnya, penerbit A mahu menterjemahkan novel “Hidup Ini” ke Bahasa Korea, penerbit A perlu mendapatkan keizinan daripada novelisnya.

HAK TERBITAN (*DERIVATIVE RIGHTS*)

Hal ini disebabkan penterjemahan adalah penghasilan **baru** kepada karya sedia ada.


Kerja-kerja penterjemahan ini memerlukan usaha dari penterjemah, maka karya terjemahan tersebut menerima perlindungan hak cipta juga.



HAK TERBITAN (*DERIVATIVE RIGHTS*)

Oleh itu, hak cipta karya asal dan hak cipta karya terjemahan boleh diterbitkan oleh dua pihak berbeza.

Tidak pelik jika karya asal diterbitkan oleh penerbit A, tetapi terjemahannya diterbitkan oleh penerbit B pula.



Penerbit A
(karya asal)

Penerbit B
(karya
terjemahan)

HAK TERBITAN (*DERIVATIVE RIGHTS*)

Ada juga penerbit yang menyediakan Perjanjian Penerbitan yang **memasukkan** hak cipta asal & hak terjemahan di dalam satu perjanjian.

Asalkan, penulis dan penerbit sama-sama bersetuju, maka tiada masalah.

Yang menjadi **masalah** adalah apabila klausa perjanjian **tidak jelas** atau telus, atau tidak dijelaskan dari awal sehingga menimbulkan perselisihan antara pihak-pihak.

Sila lihat contoh kes hak terbitan yang pernah berlaku di negara kita ini.



SYED ALWI V DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (1980) 1 MLJ 129



Terdapat perjanjian lisan antara penulis dan penerbit untuk menerbitkan sebuah skrip drama berjudul 'Tok Perak'



Penerbit telah menerbitkan skrip drama tersebut dalam bentuk buku. Namun, pada masa yang sama, **adaptasi drama** tersebut turut dipentaskan tanpa dimaklumkan kepada penulis terlebih dahulu

SYED ALWI V DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (1980) 1 MLJ 129



Penulis hanya mengetahui tentang pementasan drama ini sewaktu membaca akhbar pada bulan Oktober.

Hanya pada Disember berikutnya barulah penerbit memaklumkan kepada penulis berkenaan pementasan tersebut.

SYED ALWI V DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (1980) 1 MLJ 129



Penulis juga mendapati skrip drama yang telah diterbitkan itu mempunyai banyak kesalahan ejaan, tatabahasa, perkataan yang hilang dari naskhah asal.

SYED ALWI V DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (1980) 1 MLJ 129



Mahkamah memutuskan bahawa:


- Penerbit dilarang daripada terus menerbitkan karya Penulis
- Penerbit perlu membayar ganti rugi sebanyak RM 10,000 kepada Penulis
- Penerbit perlu menanggung kos prosiding mahkamah Penulis

Oleh itu, penulis dan penerbit perlu jelas dan telus tentang terma-terma yang dipersetujui dalam Perjanjian.

Sama ada ia hanya hak penerbitan semata-mata, atau penerbit juga mendapat hak untuk menguruskan terjemahan dan adaptasi juga.

Berbincanglah dengan baik dan fahami keseluruhan Perjanjian Penerbitan sebelum menandatangani.

Sila baca **Ebook “Tentang Kontrak Penerbitan”** juga untuk memahami asas Perjanjian Penerbitan.



PENUTUP

E-book ini ditulis sebagai satu bacaan pemula untuk penulis, penerbit dan pembaca memahami undang-undang hak cipta secara mudah.

Semoga ia menjadi panduan untuk kita memahami hak dan peranan setiap pihak, agar dunia penerbitan dan perbukuan di Malaysia lebih gemilang.

Terima kasih buat semua yang sudi membaca. Semoga bermanfaat.

TENTANG PENULIS EBOOK



Iman Danial Hakim

Peguam Harta Intelekt di Hafiz Zubir & Co. Beliau berpengalaman mengendalikan kes-kes pelanggaran hak cipta dan *counterfeit* di *e-commerce* seperti Shopee, Facebook Marketplace dan TikTok



Hafiz Zubir

Managing Partner di Hafiz Zubir & Co. Beliau berpengalaman lebih 12 tahun dalam kes-kes Harta Intelekt di Malaysia seperti Hak Cipta, Cap Dagangan (*trademark*), Paten dan Rahsia Perdagangan (*trade secret*)

Laman web Hafiz Zubir & Co
www.hzac.com.my

